

04/01/2001

Muzik Melayu mampu kuasai pasaran Asean

Salbiah Ani

LAGU Melayu dijangka terus menguasai pasaran rantau Asean pada era siber kerana syarikat penerbitan di Malaysia mempunyai strategi pemasaran bagi membolehkan mereka mendapat manfaat daripada situasi itu.

Pemuzik profesional, Ahmad Muriz Che Rose, yang muncul sebagai pemenang kedua kategori lagu dan lirik umum, Peraduan Formula Malaysia berkata, penguasaan lagu Melayu adalah perkembangan sihat bagi industri rakaman negara ini.

"Persoalan kini ialah bagaimana pengkarya boleh mempelbagaikan bahan masing-masing daripada terus berada pada satu tahap saja, sekali gus meletakkan label muzik Malaysia pada arah lebih tinggi," katanya melalui e-mel dengan Sastera dan Budaya, baru-baru ini.

Ahmad Muriz yang menggondol hadiah RM100,000 menerima sarjana muda muzik dari Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM 1991), kini sedang melanjutkan pelajaran dalam bidang itu di Berklee College of Music, Amerika Syarikat.

Peraduan Formula Malaysia anjuran KUB Malaysia dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 15 September lalu, menerima penyertaan menggalakkan kerana hadiah yang ditawarkan terlalu lumayan.

Dalam kategori lagu dan lirik umum, tiada sebarang penyertaan yang berjaya menggondol hadiah pertama bernilai RM150,000 manakala tempat ketiga dimenangi Shaharom Mohamad Aris (RM50,000).

Ahmad Muriz mengambil masa dua minggu bagi menyediakan Putera dan sebahagian besar daripada masa digunakan bagi mendapat lirik yang dapat menggambarkan pencapaian Malaysia.

"Saya melihat keliling untuk menilai bagaimana Malaysia sebagai negara kecil berusaha memartabatkan diri dan kejayaannya saling tidak tumpah seperti seorang putera," ujarnya.

Bapa kepada seorang anak itu pernah berkhidmat dengan UiTM selama empat tahun sebelum menjadi pemuzik profesional dan melanjutkan pelajaran ke Amerika bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman.

Ahmad Muriz yang mahu menggunakan wang kemenangannya itu bagi membiayai pelajarannya di Amerika memberi tumpuan mempelajari teknik penggubahan dan asimilasi muzik dalam bentuk orkestra simfoni.

"Saya memilih Amerika Syarikat kerana belum ada institut pengajian tinggi (IPT) di Malaysia menawarkan pengkhususan itu walaupun sudah ada graduan IPT tempatan membuktikan kemampuan mereka dalam arena muzik tertentu di Malaysia," katanya.

Baginya kekurangan itu timbul kerana kurang minat pelajar IPT dalam bidang itu selain kurang tenaga pengajar dalam teknik penggubahan dan asimilasi muzik dalam bentuk orkestra simfoni.

Justeru, beliau berasa perlu mencari pendekatan akademik di luar negara yang ternyata mempunyai lebih ramai tenaga pengajar di samping mendapat pendedahan dari segi persembahan.

Ahmad Muriz yang berasal dari Pulau Pinang juga berasa pembabitan dalam muzik amat berorientasikan pengalaman luas dan menjadi aset paling berguna bagi memajukan kerjayanya.

"Saya sudah lama berkecimpung dalam muzik tempatan dan sudah sampai masanya untuk memantapkan diri di samping menambah pengetahuan dalam seni muzik," katanya.

Beliau yang pernah berkhidmat lapan tahun di Jabatan Persembahan dan Kesenian Petronas mengakui menerima banyak bimbingan serta pengalaman

daripada tenaga pengajar UiTM selain rakan sekerja di Petronas.

"Saya sejak dulu memang mahu berkecimpung dalam penciptaan muzik vokal dan insya-Allah dengan peransang daripada kemenangan ini, saya akan lebih aktif terhadap industri seni suara melalui perspektif saya sendiri," katanya.

Ahmad Muriz menjelaskan beliau kini mempertimbangkan untuk mengguna aplikasi multimedia sebagai memulakan 'strategi' bagi menembusi pasaran muzik seni suara tanah air.

"Saya belum pernah menyumbang sebarang lagu atau lirik kepada penyanyi tanah air setakat ini tetapi teknologi siber memungkinkannya saya menyumbang sekalipun berada di Amerika.

"Tumpuan saya kini adalah pelajaran dan jika saya punya kelapangan, akan saya ikhtiarkan untuk memberi sumbangan kepada seni muzik tanah air," ujarnya.

Keiltizaman Ahmad Muriz untuk muncul sebagai pencipta muzik tanah air dengan citra tersendiri dapat dilihat melalui lirik lagu Putera yang berbunyi seperti berikut: